



18 Januari 2013
18 January 2013
P.U. (A) 14

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (POTONGAN BAGI PENYERTAAN DALAM PAMERAN KERJAYA YANG DILULUSKAN) 2013

PETROLEUM (INCOME TAX) (DEDUCTION FOR PARTICIPATION IN AN APPROVED CAREER FAIR) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

KAEDAH-KAEDAH PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) (POTONGAN BAGI
PENYERTAAN DALAM PAMERAN KERJAYA YANG DILULUSKAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 83(1)(a) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Potongan bagi Penyertaan dalam Pameran Kerjaya yang Diluluskan) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“orang yang boleh dikenakan cukai” ertinya mana-mana orang yang boleh dikenakan cukai yang menyertai suatu pameran kerjaya yang diluluskan;

“pameran kerjaya yang diluluskan” ertinya suatu pameran kerjaya yang diadakan di luar Malaysia yang dianjurkan atau diendorskan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad dan diluluskan oleh Menteri;

“Talent Corporation Malaysia Berhad” ertinya suatu syarikat berhad dengan jaminan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk memperkenalkan dan memudahkan inisiatif yang menumpukan kepada keperluan bakat di Malaysia.

Potongan

3. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan bagi seseorang yang boleh dikenakan cukai yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya bagi tempoh

asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi apa-apa belanja pasti dan perbelanjaan yang diperihalkan dalam subkaedah (2) yang dilakukan—

- (a) oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu dalam tempoh asas itu berkenaan dengan perniagaannya; dan
- (b) terutama atau semata-mata bagi maksud penyertaan dalam pameran kerjaya yang diluluskan.

(2) Belanja pasti dan perbelanjaan yang disebut dalam subkaedah (1) ialah—

- (a) perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan perjalanan ke suatu negara di luar Malaysia oleh orang yang boleh dikenakan cukai itu atau wakil orang yang boleh dikenakan cukai itu tidak melebihi tiga orang termasuklah orang yang boleh dikenakan cukai itu bagi maksud menyertai pameran kerjaya yang diluluskan dan perbelanjaan sebenar adalah tertakluk kepada—

- (i) tambang kapal terbang kelas ekonomi;
- (ii) maksimum sebanyak tiga ratus ringgit sehari untuk penginapan; dan
- (iii) maksimum sebanyak satu ratus lima puluh ringgit sehari untuk makanan,

bagi keseluruhan tempoh bermula daripada orang yang boleh dikenakan cukai itu atau wakilnya bertolak dari Malaysia dan berakhir apabila dia kembali ke Malaysia;

- (b) perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan bahan pemasaran dan promosi termasuklah tetapi tidak terhad kepada risalah,

bahan percetakan atau kain rentang yang mengandungi maklumat khusus yang berhubungan dengan pameran kerjaya yang diluluskan;

(c) perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan bayaran yang dibuat kepada penganjur bagi pameran kerjaya yang diluluskan; dan

(d) perbelanjaan secara langsung yang dilakukan bagi menyertai pameran kerjaya selain yang dinyatakan dalam perenggan (a), (b) dan (c).

(3) Jumlah amaun potongan yang dibenarkan di bawah subkaedah (2) bagi menyertai suatu pameran kerjaya yang diluluskan adalah merupakan tambahan kepada apa-apa potongan di bawah seksyen 15 Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

(4) Tiada potongan boleh dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini berkenaan dengan apa-apa belanja pasti dan perbelanjaan yang—

(a) dinyatakan dalam subseksyen 18(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967; dan

(b) dilakukan oleh seseorang yang boleh dikenakan cukai yang mempunyai suatu tempat perniagaan dan tertakluk kepada cukai dalam negara yang belanja pasti dan perbelanjaan itu dilakukan.

(5) Jika jumlah amaun apa-apa belanja pasti dan perbelanjaan yang boleh dibenarkan sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini melebihi amaun yang pada pendapat Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri boleh dijangkakan dengan semunasabahnya dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan itu, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri boleh, setakat yang berlebihan itu tidak membenarkan amaun itu sebagai potongan di bawah Kaedah-Kaedah ini.